



SIARAN AKHBAR
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI
MESYUARAT MENTERI-MENTERI KEWANGAN DAN GABENOR-GABENOR BANK
PUSAT ASEAN + 3 KE-24 (VIRTUAL)
ISNIN, 3HB MEI 2021

1. Mesyuarat Menteri-Menteri Kewangan dan Gabenor-Gabenor Bank Pusat ASEAN+3 (AFMGM+3) Ke-24, telah diadakan melalui Persidangan Virtual pada hari Isnin, 3hb Mei 2021 dan telah dihadiri oleh wakil-wakil daripada Negara-Negara Ahli ASEAN, Republik Rakyat China, Jepun dan Republik Korea.
2. Mesyuarat tersebut telah dipengerusikan bersama oleh Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abd Rahman, Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Fiskal), Yang Mulia Dayang Hajah Rokiah binti Haji Badar, Pengarah Urusan Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD), TYT Nam-Ki Hong, Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Ekonomi dan Kewangan Republik Korea, dan TYT Juyeol Lee, Gabenor *Bank of Korea*. Negara Brunei Darussalam telah diwakili oleh Yang Mulia Dayang Suraya binti Haji Jaidin, Setiausaha Tetap (Prestasi dan Korporat) di Kementerian Kewangan dan Ekonomi dan Yang Mulia Dayang Hajah Noorrafidah binti Sulaiman, Timbalan Pengarah Urusan AMBD.
3. Semasa sesi *Economic Policy Review Dialogue*, para Menteri dan Gabenor, bersama dengan *Asian Development Bank*, *International Monetary Fund*, *ASEAN Plus Three Macroeconomic Research Office* (AMRO), dan Sekretariat ASEAN, telahpun bertukar pandangan mengenai dengan tinjauan ekonomi global dan serantau dan juga kerjasama untuk mengekalkan pemulihan ekonomi serantau. Dalam pada ini, ianya telah ditekankan diantara beberapa langkah-langkah yang membolehkan pencapaian pertumbuhan ekonomi yang resilien, inklusif dan mampan adalah dengan memanfaatkan teknologi, menggunakan modal swasta untuk pembiayaan infrastruktur dan pembiayaan hijau, dan meningkatkan modal insan.

4. Berhubung dengan perbincangan mengenai dengan kerjasama kewangan ASEAN+3, para Menteri dan Gubernur mengalu-alukan kerjasama yang sedia ada, termasuk melalui *Chiang Mai Initiative Multilateralisation (CMIM)*, *AMRO*, *Asian Bond Markets Initiative (ABMI)* and Arah Strategik Proses Kewangan ASEAN + 3. Dalam pada ini, Para Menteri dan Gubernur telahpun:
- (i) menekankan komitmen untuk memperkukuhkan CMIM sebagai mekanisme *self-help* yang berkesan dan boleh dipercayai, dan untuk meningkatkan ABMI dalam mempermudah transaksi rentas sempadan sekaligus meningkatkan kerjasama antara inisiatif serantau;
 - (ii) menyambut baik penubuhan empat kumpulan kerja bagi "*Infrastructure Financing*", "*Macro-structural Instruments*", "*Strengthening Financial Resilience against Natural Disasters*" dan "*Enhancing Policy Coordination for Technological Advancement*" dibawah kerjasama strategik ASEAN+3 proses kewangan; dan
 - (iii) mengucapkan tahniah kepada AMRO sempena ulang tahun ke-10 dan menghargai sokongan padu yang diberikan kepada anggota ASEAN + 3 melalui, antara lainnya, dalam menganalisa dan perkongsian dasar bermanfaat dalam menangani pandemik COVID-19 dan memudahkan kesediaan operasi CMIM. Dalam hal ini, para Menteri dan Gubernur menekankan sokongan kepada AMRO dalam memenuhi mandatnya sebagai pertubuhan antarabangsa yang bebas, berwibawa dan profesional yang bertindak sebagai penasihat yang dipercayai untuk ahli-ahli ASEAN + 3.
5. Kenyataan Bersama bagi Mesyuarat AFMGM+3 Ke-24, yang telah diluluskan oleh Menteri-Menteri Kewangan dan Gabenor-Gabernor Bank Pusat adalah seperti di **LAMPIRAN 1**.
